

Keistimewaan ditawarkan Perpustakaan Tunku Tun Aminah UTHM

# Perpustakaan konsep keluarga

Oleh HANIZA HASSAN

utusanjohor@utusan.com.my

**JOHOR BAHRU** 2 Julai - Perpustakaan Tunku Tun Aminah yang merupakan perpustakaan tercanggih di negeri ini bukan sahaja membuka keahliannya kepada mahasiswa Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), malah turut menerima keahlian daripada komuniti luar.

Ketua Pustakawan Perpustakaan Tunku Tun Aminah, Bharun Narosid Mat Zin berkata, bangunan perpustakaan yang mempunyai keluasan 16,000 meter persegi itu turut mengetengahkan konsep perpustakaan keluarga, sekali gus memberarkan kemasukan kanak-kanak.

"Berikutan itu, UTHM menyediakan perpustakaan kanak-kanak yang membolehkan ibu bapa meninggalkan anak mereka sementara mendapatkan bahan bacaan yang dikehendaki," katanya selepas majlis perasmian perpustakaan tersebut yang disempurnakan oleh anakanda Sultan Johor, Tunku Aminah Sultan Ibrahim baru-baru ini.

Yang turut hadir ialah Naib Canselor UTHM, Prof. Datuk Dr. Mohd. Noh Dalimin; Pegawai Daerah Batu Pahat, Wahab Ridwan, ahli-ahli

Lembaga Pengarah UTHM, wakil pemimpin setempat, pegawai kanan universiti, kakitangan dan penuntut UTHM.

Dalam gimik perasmianya, Tunku Aminah turut diberi penerangan tentang latar belakang perpustakaan setinggi lima tingkat yang siap dibina pada 2010 dan boleh menampung kapasiti sehingga 3,000 pengguna dalam satu-satu masa.

Ia turut dilengkapi 40 bilik perbincangan, dua bilik seminar, Pejabat Canselor yang menempatkan Pejabat Naib Canselor, Dewan Jamaah, Bilik Mesyuarat Eksekutif, Dewan Jamuan, Bilik Jamuan Eksekutif dan dewan-dewan kuliah untuk kegunaan mahasiswa.

Bharun berkata, selain ratusan ribu buku, terdapat 40,000 jurnal disediakan di perpustakaan tersebut untuk komuniti dari dalam dan luar UTHM.

"Pada masa ini, perpustakaan telah mempunyai 200,000 naskhah monograf, 10,000 judul tesis, 40 judul jurnal bercetak, 50 judul majalah dan 22,000 unit bahan audio visual. Pihak perpustakaan juga telah melanggar perkhidmatan 26 pangkalan data, empat e-books dan 380 judul e-journals," katanya.



TUNKU Aminah Sultan Ibrahim melihat buku di Perpustakaan Tunku Tun Aminah UTHM sambil ditemani Dr. Mohd. Noh Dalimin di UTHM, Batu Pahat, baru-baru ini.